



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

CADANGAN UNTUK PENGURUSAN KIOSK PENJUALAN PERALATAN SUKAN DI KOMPLEKS SUKAN SETIAWANGSA SECARA *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)*

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan kiosk jualan peralatan sukan.
2. Maklumat sebut harga adalah seperti berikut:-

Syarat Kelayakan	Rujukan	Tarikh Lawatan Tapak	Tarikh Dan Masa Sebut harga Dibuka dan Ditutup
Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)	PSM/BKEW/S /2020/7	Tarikh Lawatan Tapak: 13 Mac 2020 (Jumaat) Masa Taklimat: 10.00 pagi Lokasi Lawatan Tapak: Lobi, Kompleks Sukan Setiawangsa	Tarikh Sebut harga Diiklan: 9 Mac 2020 (Isnin) Tarikh Sebut harga Ditutup: 19 Mac 2020 (Khamis) Jam 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen Sebut harga boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula 13 Mac 2020 (Jumaat).

2. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi lawatan tapak yang akan diadakan seperti tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan. Untuk maksud ini, hanya penama yang tercatat di dalam **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat. Bagi tujuan pengesahan, **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Asal dan Salinan)** serta Cop Syarikat hendaklah dibawa semasa sesi lawatan tapak.
3. Dokumen Sebut harga boleh diambil bermula **pada hari lawatan tapak** bagi peneybut harga yang menghadiri sesi lawatan tapak pada waktu pejabat di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur**.
4. Penyebut harga hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Sebut harga di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 19 Mac 2020 (Khamis). Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
6. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
7. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
8. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

Nadiya Hanani Muhammad Azizan
nadiya@stadium.gov.my

013 – 614 5398

Dokumentasi

Mohamed Shafie b. Abdul Razak
shafie@stadium.gov.my

03-89920850